



Tatakelakuan Intel

JANUARI 2018

Kandungan

Budaya Integriti yang Tidak Boleh Dikompromi	1
Nilai Kita.....	2
Tanggungjawab Anda	3
Prinsip Tatakelakuan	3
Bertanyakan Soalan dan Melaporkan Kebimbangan.....	5
Cara Mendapatkan Panduan dan Melaporkan Isu	5
Dasar Tiada Tindakan Balas	6
Menjalankan Perniagaan dengan jujur dan Integriti.....	7
Berkomunikasi dengan Jelas dan Profesional dalam Perniagaan.....	7
Menjalankan Urusan Perniagaan dengan Pelanggan, Pembekal, Pengedar dan Pihak Lain.....	7
Menjadi Warga Korporat Yang Bertanggungjawab.....	8
Menyediakan Rekod Kewangan dan Lain-lain dengan Tepat	8
Patuhi Undang-undang secara Tersurat dan Tersirat.....	8
Antitrust	9
Sogokan dan Anti Rasuah	10
Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan.....	10
Keselamatan Produk	11
Pematuhan Import dan Eksport	11
Perdagangan Orang Dalaman	11
Harta Intelektual	12
Privasi.....	12
Komunikasi Awam	13
Saling Menghormati Antara Satu Sama Lain.....	13
Komunikasi Terbuka dan Jujur	14
Peluang Pekerjaan yang Sama Rata dan Kepelbagaian	14
Anti-Gangguan	14
Pemerdagangan Manusia, Buruh Kanak-Kanak dan Buruh Paksa.....	14
Keselamatan	15
Keganasan di Tempat Kerja.....	15
Bertindak demi Kebaikan Intel demi mengelak daripada sebarang Konflik	15
Menangani Konflik Kepentingan	16
Contoh Konflik Kepentingan	16

Hadiah, Hidangan, Hiburan, dan Perjalanan	17
Lindungi Aset dan Maklumat Sulit Syarikat	18
Melindungi Aset Fizikal	18
Melindungi Maklumat Sulit	18
Melindungi Tanda Dagangan dan Jenama	19
Mewakili Intel.....	19
Kelulusan dan Pengecualian.....	20
Peringatan	20
Istilah dan Takrifan Glosari Tatakelakuan	21

Budaya Integriti yang Tidak Boleh Dikompromi

Sejak penubuhan syarikat, integriti yang tidak boleh dikompromi dan profesionalisme telah menjadi tunjang perniagaan Intel. Dalam segala perkara yang kita lakukan, Intel menyokong dan berpegang teguh terhadap nilai dan prinsip teras. Pertumbuhan masa depan kita bergantung kepada pemahaman kita semua terhadap nilai dan prinsip ini dan menunjukkan secara berterusan integriti yang tidak boleh dikompromi yang menjadi asas syarikat kita.

Tatakelakuan telah menetapkan piawai cara kita bekerjasama untuk membina dan menghasilkan produk, melindungi nilai Intel dan anak-anak syarikatnya (secara kolektifnya dikenali sebagai 'Intel') dan cara kita berurusan dengan pelanggan, pembekal, pengedar dan pihak-pihak lain. Kita semua di Intel mesti mematuhi Tatakelakuan, Garis Panduan Pekerjaan, dan lain-lain dasar yang berkaitan apabila menjalankan urusan yang melibatkan Intel.

Visi Kita

Jika ia merupakan pilihan yang bijak dan berkaitan, ia adalah yang terbaik dari Intel.

Nilai Kita

Orientasi Pelanggan

- Mendengar dan memberi respons kepada pelanggan, pembekal dan pihak-pihak yang berkepentingan dengan kita
- Berkomunikasi hasrat dan jangkaan bersama dengan jelas
- Menyampaikan produk dan perkhidmatan yang inovatif dan berdaya saing
- Memudahkan mereka untuk bekerja dengan kita
- Cemerlang dalam memenuhi kepuasan pelanggan

Disiplin

- Menjalankan perniagaan dengan integriti dan profesionalisme tanpa kompromi
- Memastikan tempat kerja yang selamat, bersih dan bebas dari kecederaan
- Membuat dan memenuhi komitmen
- Merancang, membiayai dan menyediakan tenaga kerja untuk projek secara sewajarnya
- Memberi perhatian terhadap perincian
- Melindungi maklumat Intel dengan selamat

Kualiti

- Mencapai kecemerlangan pada tahap yang tertinggi
- Lakukan perkara yang betul dengan betul

Mengambil Risiko

- Mengamalkan minda yang terbuka dalam semua perkara yang kita lakukan
- Menggalakkan inovasi dan pemikiran kreatif
- Menerima perubahan dan mencabar status quo
- Mendengar semua idea dan sudut pandangan
- Belajar daripada kejayaan dan kesilapan kita
- Memberi galakan dan ganjaran atas pengambilan risiko yang berpandukan maklumat

Tempat Bekerja yang Terangkum dan Terbaik

- Mencipta persekitaran kerja terangkum yang memupuk kepelbagaian
- Melayan satu sama lain secara sama rata, dengan bermaruah dan rasa hormat
- Bersikap terbuka dan berterus-terang
- Menggalakkan persekitaran kerja yang mencabar untuk membangunkan tenaga kerja kita
- Bekerja secara berpasukan dengan saling menghormati dan mempercayai antara satu sama lain
- Menang dan berseronok
- Menghargai dan memberi ganjaran atas pencapaian
- Mengurus prestasi dengan adil dan tegas
- Menjadi aset kepada komuniti kita di seluruh dunia

Orientasi Hasil

- Menetapkan matlamat yang mencabar dan berdaya saing
 - Memberi tumpuan kepada pengeluaran
 - Memikul tanggungjawab
-

- Belajar, membangun dan meningkatkan diri secara berterusan
 - Berbangga dengan kerja kita
 - Menyelesaikan masalah mengikut cara konfrontasi yang membina
 - Pelaksanaan tanpa kesilapan
-

Tanggungjawab Anda

Tatakelakuan Intel terpakai kepada semua pekerja dan ia ditetapkan untuk Intel Corporation dan anak-anak syarikatnya (secara kolektifnya dikenali sebagai 'Intel') serta ahli Lembaga Pengarah yang bukan dari kalangan pekerja kita dalam aktiviti yang berhubung kait dengan Intel. Tatakelakuan juga terpakai pada kontraktor bebas, perunding, pembekal dan orang lain yang menjalankan perniagaan dengan Intel; mereka yang menjalankan perniagaan dengan Intel boleh menetapkan dasar yang lebih ketat, tetapi tidak boleh beroperasi di bawah dasar yang tidak menepati standard.

Butiran untuk mendapatkan panduan dan melaporkan kebimbangan etika, serta butiran lain seperti dasar-dasar tambahan atau garis panduan yang berkaitan dengan Tatakelakuan ini, mungkin berbeza antara satu syarikat dan syarikat yang lain.

Para pekerja digalakkan untuk merujuk kepada [Soalan Lazim Tatakelakuan](#) dan sumber lain yang berkaitan untuk panduan selanjutnya. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang cara Tatakelakuan harus diguna pakai, sila hubungi bahagian Legal atau [Ask Ethics](#).

Setiap pekerja bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan mematuhi Tatakelakuan. Pekerja yang melanggar Tatakelakuan adalah tertakluk kepada tindakan disiplin, yang boleh membawa kepada penamatan pekerjaan. Sesiapa yang melanggar undang-undang mungkin juga tertakluk kepada penalti sivil dan jenayah.

Prinsip Tatakelakuan

Tatakelakuan menegaskan lima prinsip kelakuan Intel:

- **Menjalankan urusan dengan jujur dan integriti.** Menjalankan urusan dengan profesional dan integriti yang tidak dikompromi, jujur dan beretika tinggi dalam semua urusan dan memberi layanan yang saksama kepada pelanggan, pembekal, pengedar dan pihak-pihak lain.
- **Patuhi undang-undang yang tersurat dan tersirat.** Memastikan bahawa keputusan perniagaan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan bagi kebanyakan negara yang Intel menjalankan urusan.
- **Saling menghormati antara satu sama lain.** Bekerja secara berpasukan dengan saling menghormati dan mempercayai antara satu sama lain.
- **Bertindak demi kebaikan Intel dan elakkan konflik kepentingan.** Elakkan situasi apabila kepentingan peribadi dan keluarga kita mempengaruhi — atau kelihatan seperti

mempengaruhi—keupayaan kita dalam membuat keputusan urusan yang terbaik demi kebaikan Intel.

- **Lindungi aset dan maklumat sulit syarikat.** Lindungi nilai aset Intel, termasuk aset fizikal, harta intelektual, maklumat sulit, jenama Intel, dan nama baik dan reputasinya serta maklumat sulit pelanggan, pembekal dan pekerja kita.

Bertanyakan Soalan dan Melaporkan Kebimbangan

Untuk membantu syarikat kita menjalankan urusan perniagaan dengan profesional dan integriti yang tidak dikompromi, setiap pekerja bertanggungjawab melaporkan sebarang kemungkinan salah laku undang-undang, Tatakelakuan, dan lain-lain garis panduan syarikat.

Pengurus dan pekerja yang mengetahui kemungkinan salah laku tentang undang-undang, peraturan, atau dasar undang-undang Intel perlu segera melaporkan perkara tersebut kepada bahagian Legal atau Audit Dalaman.

Cara Mendapatkan Panduan dan Melaporkan Isu

Oleh sebab Tatakelakuan tidak dapat memberi tumpuan pada setiap situasi, anda perlu mendapatkan panduan apabila anda tidak pasti tentang tindakan yang harus diambil. Terdapat banyak cara untuk bertanyakan soalan mengenai Tatakelakuan atau melaporkan kebimbangan:

- Mengikut Garis Panduan Open Door Intel, anda boleh mengutarakan soalan atau melaporkan isu tentang Tatakelakuan ini kepada mana-mana pengurus, seperti pengurus anda, ketua jabatan, pengurus besar bahagian, atau pengurus lain sehingga dan termasuk Pejabat Eksekutif;
- Anda boleh bertanyakan soalan atau melaporkan kebimbangan anda kepada kumpulan dalaman yang mengkhusus dalam mengendalikan isu sedemikian, termasuk Sumber Manusia, Audit Dalaman, Legal, Keselamatan Korporat, Keselamatan Maklumat, atau [Penaung Perniagaan Etika & Pematuhan](#) kumpulan atau tapak anda;
- Anda boleh meng-e-melkan pertanyaan anda ke ask.ethics@intel.com; dan
- Anda boleh melaporkan kebimbangan tentang etika atau pematuhan atau keselamatan secara dalaman atau melalui telefon melalui [Portal Pelaporan Etika & Pematuhan Intel](#), yang dihoskan oleh pihak ketiga dan membenarkan pelaporan tanpa nama setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Para pekerja anak-anak syarikat Intel mungkin disediakan saluran tambahan untuk mengemukakan pertanyaan dan melaporkan kebimbangan.

Untuk lain-lain masalah berkaitan kerja, anda digalakkan untuk menghubungi akaun e-mel pelaporan sulit di harassment.concerns@intel.com, [Get HR Help](#), wakil Sumber Manusia anda atau [Bahagian Undang-Undang Pekerjaan, Buruh & Manfaat \(ELB Legal\)](#).

Seseorang pekerja tidak perlu pasti tentang suatu kebimbangan itu, mempunyai bukti salah laku, atau tahu bahawa telah berlaku kesalahan Tatakelakuan, dasar atau undang-undang sebelum melaporkannya. Tidak kira apa-apa cara anda memilih untuk membangkitkan kebimbangan ini, kami memandangkan semua laporan sebagai serius. Pasukan Intel akan menilai hal ini dengan segera untuk menentukan tindakan yang sesuai berdasarkan

pada undang-undang terpakai, Tatakelakuan Intel dan garis panduan lain syarikat yang digunakan.

Semua pekerja Intel dan anak syarikatnya diwajibkan bekerjasama sepenuhnya dengan penyiasatan dalaman, termasuk memberikan informasi secara jujur, benar dan lengkap (kecuali di mana akan menyebabkan pendedahan keterlibatan pekerja dalam aktiviti sekumpulan di bawah Undang-Undang Hubungan Buruh Negara AS). Pekerja yang gagal berbuat demikian akan tertakluk kepada tindakan tatatertib bahkan sampai dan termasuk diberhentikan kerja, tertakluk dengan undang-undang setempat. Untuk penyiasatan berkaitan dakwaan pelanggaran di bawah Undang-Undang Hubungan Buruh Negara AS, keterlibatan pekerja, walau disarankan, adalah secara sukarela.

Dasar Tiada Tindakan Balas

Intel tidak mentoleransi sebarang tindakan balas terhadap sesiapa membuat laporan dengan niat baik mengenai kemungkinan pelanggaran undang-undang, Tatakelakuan, atau dasar atau prosedur syarikat yang lain, mempersoalkan tatalaku sedia ada atau yang dicadangkan, atau melibatkan diri dalam penyiasatan dalaman. Tindakan balas boleh termasuk, antaranya, menurunkan pangkat, memindahkan, atau menamatkan perkhidmatan sesiapa kerana mengemukakan soalan atau bersuara dengan suci hati tentang kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan, dasar syarikat, atau undang-undang. Para pekerja yang mengambil tindakan balas atau cuba untuk mengambil tindakan balas terhadap seseorang yang melaporkan kebimbangan dengan suci hati atau mengambil bahagian dalam penyiasatan dalaman tertakluk kepada tindakan disiplin sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan.

Para pekerja yang merasa dirinya telah menerima tindakan balas hendaklah menghubungi [ELB Legal](#) dengan serta-merta.

Menjalankan Perniagaan dengan jujur dan Integriti

Satu daripada nilai teras Intel adalah untuk menjalankan perniagaan dengan integriti dan profesionalisme yang tiada kompromi. Kita menjadikan nilai ini sebagai amalan dengan:

- Berkomunikasi dengan jelas, hormat, dan profesional dalam perniagaan,
- Melayani pelanggan, pembekal, pengedar dan yang lain dengan saksama,
- Bertindak sebagai rakyat korporat yang bertanggungjawab, menghormati hak manusia dan menguruskan impak perniagaan kita ke atas dunia di sekeliling kita, dan
- Menyimpan buku kewangan lain-lain rekod dengan tepat.

Berkomunikasi dengan Jelas dan Profesional dalam Perniagaan

Kita menghargai komunikasi yang jelas, tepat, hormat dan profesional dalam semua interaksi perniagaan kita. Komunikasi yang tidak jelas dan tidak profesional – sama ada secara lisan atau bertulis – boleh membahayakan Intel. Malah komunikasi yang berniat baik juga boleh disalahtafsirkan. Contoh komunikasi termasuk e-mel, bahan persembahan, pesanan suara, mesej teks, dan pemesejan segera, serta kandungan media sosial dan laman web.

Menjalankan Urusan Perniagaan dengan Pelanggan, Pembekal, Pengedar dan Pihak Lain

Kejayaan kita adalah berdasarkan perhubungan saling hormat-menghormati dan kepercayaan yang kukuh terhadap pelanggan, pembekal, pengedar dan pihak lain. Untuk mengekalkan hubungan baik ini, kita melayani setiap orang dengan cara yang kami harap dilayani: dengan keadilan, kejujuran, dan rasa hormat.

Dalam pemasaran serta interaksi kita dengan pelanggan dan bakal pelanggan, kita sentiasa menggambarkan produk dan perkhidmatan Intel secara adil dan tepat.

Kita mengharapkan pembekal kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan, Tatakelakuan Intel dan prinsip tanggungjawab korporat yang sejajar dengan Tatakelakuan Aliansi Perniagaan Bertanggungjawab (RBA). Kita mengharapkan pembekal kita juga memastikan rangkaian bekalan langsung mereka mematuhi garis panduan ini.

Kontraktor bebas, konsultan, pembekal, pengedar dan pihak lain yang menjalankan perniagaan dengan Intel berisiko ditamatkan urusan perniagaan mereka dengan Intel kerana pelanggaran Tatakelakuan.

Apabila menjalankan perniagaan atau melibatkan diri dengan Kerajaan A.S, pekerja Intel atau pihak lain yang mewakili Intel, mesti mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam [Corporate Policy Statement: U.S. Government Business \(CPS\)](#).

Menjadi Warga Korporat Yang Bertanggungjawab

Intel mempunyai reputasi global yang telah sekian lama dibina sebagai warga korporat yang bertanggungjawab. Bagi kita, tanggungjawab korporat bermakna mencapai kejayaan perniagaan dengan cara yang menghormati setiap manusia dan persekitaran serta mendukung nilai dan piawai etika yang tinggi seperti yang dinyatakan dalam Prinsip Hak Asasi Manusia serta Dasar Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan kita. Intel merupakan pemimpin dalam hal-hal menyokong pendidikan dan meningkatkan taraf komuniti di tempat kediaman dan syarikat kita.

Sebagaimana yang digambarkan dalam Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat kita, kita menunjukkan rasa hormat terhadap manusia dan bumi ini dan meminta semua pekerja kita agar mempertimbangkan kesan jangka pendek dan panjang terhadap alam sekitar dan komuniti apabila mereka membuat keputusan perniagaan. Dalam semua aktiviti kita, kita perlu menegakkan reputasi global Intel yang telah lama wujud sebagai model peranan bagi kelakuan yang bertanggungjawab secara etika dan sosial.

Menyediakan Rekod Kewangan dan Lain-lain dengan Tepat

Rekod kewangan dan rekod perniagaan kita yang lain membentuk keputusan perniagaan yang kita ambil. Kita bertanggungjawab untuk memastikan buku dan rekod Intel adalah penuh, adil, tepat, kena pada masanya dan menggambarkan operasi dan aktiviti perniagaan syarikat ini yang boleh difahami.

Mana-mana rekod diperlukan dalam kerja kita, seperti penyusunan kontraktual, kad masa dan laporan perbelanjaan mestilah tepat, lengkap dan disahkan oleh pihak yang berpatutan. Jika terdapat persoalan, minta pengurus anda atau pengurus lain untuk bantuan. Jika anda menyedari terdapat rekod yang mungkin tidak tepat, laporkan situasi tersebut dengan segera kepada bahagian Kewangan atau Legal. Kita tidak menyokong atau membenarkan penyediaan rekod palsu dalam apa-apa keadaan sekali pun.

Kita mengupah juruaudit untuk memastikan cara kita mengendalikan perniagaan dan menyimpan rekod adalah konsisten dengan piawai perakaunan yang relevan. Kita mesti bekerjasama dengan juruaudit dan memastikan sesiapa yang bertindak di bawah arahan kita juga bekerjasama dengan juruaudit.

Patuhi Undang-undang secara Tersurat dan Tersirat

Sebagai syarikat global Intel mesti mematuhi undang-undang banyak negara tempat ia membuat perniagaan. Kita semua bertanggungjawab untuk

mengetahui dan mematuhi semua undang-undang atau peraturan yang berkenaan.

Kita juga mesti bertindak dengan cara yang mematuhi tujuan undang-undang. Apabila Kod (COC) atau garis panduan syarikat berbeza dengan undang-undang peraturan tempatan, kita mesti sentiasa mematuhi standard yang lebih tinggi. Jika anda yakin bahawa keperluan Kod (COC) bercanggah dengan undang-undang tempatan, rujuklah kepada Legal.

Pelanggaran undang-undang dan peraturan mempunyai akibat yang serius, bagi kedua-dua syarikat dan individu yang terlibat. Oleh itu, apabila soalan dikemukakan mengenai isu ini atau isu perundangan yang lain, anda harus sentiasa mendapatkan panduan daripada Legal.

Sesetengah daripada tajuk perundangan yang kita hadapi merangkumi antitrust, anti rasuah, persekitaran, import-eksport, perdagangan orang dalam, harta intelektual, privasi dan komunikasi awam.

Antitrust

Undang-undang antitrust, kadangkala disebut undang-undang persaingan, menguasai cara syarikat dikendalikan di pasaran. Undang-undang antitrust menggalakkan persaingan dengan melarang sekatan yang tidak berpatutan terhadap perdagangan. Undang-undangnya diuruskan secara umum dengan cara syarikat berurusan dengan pesaing, pelanggan, dan pembekal mereka. Menyalahi undang-undang antitrust adalah perkara yang serius dan boleh meletakkan syarikat dan individunya dalam risiko penalti jenayah yang besar.

Di semua wilayah dan negara tempat kita menjalankan perniagaan, kita komited untuk bersaing dengan penuh semangat tetapi secara adil untuk para pembekal dan pelanggan.

Untuk mematuhi undang-undang antitrust, kita mestilah tidak:

- Berkomunikasi dengan mana-mana pesaing berkaitan dengan harga, mana-mana terma yang melibatkan harga, atau paras pengeluaran,
- Membahagi atau membuat peruntukan pasaran atau pelanggan,
- Bersetuju dengan pesaing untuk memulaukan perniagaan lain, atau
- Meletakkan syarat yang tidak wajar atas pembelian atau jualan.

Dasar dan piawai antitrust kita ditetapkan dalam Intel Corporation's Antitrust and Competition Law Worldwide Policy and Standards. Apabila soalan dikemukakan, hubungi Legal untuk panduan.

Apabila berurusan dengan para pengedar, kita perlu mematuhi dasar penentuan harga dan barangan syarikat dengan berhati-hati. Eksekutif yang bertanggungjawab atas jualan pengedaran dan pemasaran untuk kawasan geografi mempunyai maklumat yang lebih khusus mengenai prosedur setempat untuk dipatuhi semasa berurusan dengan pengedar di kawasan itu dan boleh menjawab sebarang soalan.

Sogokan dan Anti Rasuah

Intel melarang dengan tegas semua bentuk rasuah. Dasar Intel ialah untuk mematuhi semua undang-undang antirasuah dan untuk merekodkan dengan tepat semua urus niaga dalam akaun dan rekod Intel. Kita tidak boleh sekali-kali menawarkan atau menerima rasuah atau sogokan, dan tidak boleh menyertai atau memudahkan aktiviti rasuah dalam sebarang jenis sekali pun. Undang-undang di kebanyakan negara mentakrifkan bayaran mempermudah urusan yang dibuat kepada pegawai kerajaan sebagai rasuah. Kita tidak membuat bayaran bagi pihak Intel kepada mana-mana pegawai kerajaan untuk tujuan mempermudah apa-apa urusan.

Larangan Intel terhadap penawaran, perjanjian untuk membayar atau pembayaran rasuah terpakai juga kepada pihak ketiga yang bertindak bagi pihak Intel, seperti pembekal, ejen, kontraktor, konsultan dan pengedar. Kita tidak boleh melantik pihak ketiga yang berkemungkinan akan cuba untuk menawarkan rasuah bagi urusan berkaitan dengan perniagaan syarikat. Jangkaan anti rasuah kita untuk pihak ketiga ditetapkan dalam [Third Party Anti-Corruption Policy](#) dan [Gifts, Meals, Entertainment and Travel \("GMET"\) Policy for Third Parties](#).

Semasa menjalankan perniagaan dengan kerajaan, rujuk kepada Legal untuk memastikan anda sedar akan peraturan atau undang-undang khas yang dikenakan. Dapatkan kelulusan yang diperlukan dalam Dasar Hadiah, Makanan, Hiburan dan Perjalanan Perniagaan Sedunia ("Dasar GMET") sebelum memberikan sesuatu yang bernilai kepada mana-mana Pegawai Kerajaan.

Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan

Pelbagai undang-undang, piawaian, keperluan dan dasar alam sekitar diguna pakai oleh operasi perniagaan kita di seluruh dunia. Kita bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi keperluan ini, termasuk:

- Menjimatkan tenaga, air, bahan mentah serta sumber semula jadi yang lain,
- Menguruskan bahan dan sisa dengan betul, dan
- Mematuhi permit alam sekitar dan panduan kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan. Intel mematuhi semua undang-undang dan piawai alam sekitar.

Kita mengambil pendekatan berjaga-jaga terhadap bahan-bahan yang digunakan dalam produk dan berusaha untuk mengurangkan penggunaan bahan berbahaya dan menurunkan kesan buruk terhadap alam sekitar daripada teknologi pengilangan kita.

Kita berharap pembekal-pembekal kita dan pihak lain mematuhi semua undang-undang dan piawaian alam sekitar, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan operasi mereka.

Keselamatan Produk

Keselamatan produk Intel adalah keutamaan teratas. Intel memandang berat terhadap setiap laporan kebimbangan tentang keselamatan produk. Mana-mana pekerja atau pembekal Intel yang mendapat tahu tentang isu keselamatan pada produk Intel mestilah melaporkannya dengan segera kepada productsafety@intel.com, melalui [Portal Pelaporan Etika & Pematuhan Intel](#), atau sebagaimana yang diarahkan oleh dasar Intel.

Pematuhan Import dan Eksport

Dalam setiap negara yang kita jalankan urusan niaga, undang-undang dan peraturan mengawal hal-ehwal import dan eksport. Banyak daripada undang-undang dan peraturan ini menyekat atau melarang penghantaran secara fizikal produk-produk kita atau pemindahan atau penghantaran perisian dan teknologi secara elektronik ke destinasi, entiti dan orang asing yang tertentu. Dalam banyak keadaan, undang-undang mengkehendaki lesen eksport atau lain-lain kelulusan kerajaan yang berkaitan sebelum barangan tersebut dihantar atau dipindahkan.

Kita mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi undang-undang dan peraturan ini. Oleh itu, kita hendaklah memastikan semua barangan melalui kastam dan tidak boleh:

- Meneruskan transaksi jika kita tahu bahawa pelanggaran undang-undang telah berlaku atau bakal berlaku;
- Memindahkan perisian dan teknologi terkawal kecuali mendapat pengesahan yang wajar; atau
- Mengenakan nilai kewangan yang tidak wajar terhadap barangan dan perkhidmatan

Pelanggaran, bahkan yang tidak sengaja, boleh mengakibatkan saman dan penalti yang besar, penafian lesen eksport, kehilangan keistimewaan eksport, dan/atau pemeriksaan kastam dan penangguhan. Oleh sebab undang-undang dan peraturan ini adalah rumit dan unik di setiap negara, kita memberikan panduan dan latihan yang sewajarnya.

Perdagangan Orang Dalaman

Banyak negara mempunyai undang-undang dagangan orang dalam yang mengehadikan perdagangan sekuriti dan aktiviti lain oleh sesiapa yang mempunyai maklumat penting yang tidak diketahui secara umum. Maklumat penting yang bukan umum adalah maklumat yang tidak diketahui oleh umum dan mempunyai kesan penting terhadap pelabur yang wajar dalam melaksanakan transaksi untuk membeli atau menjual sekuriti mana-mana syarikat.

Mana-mana pekerja yang mengetahui mengenai maklumat penting Intel atau mana-mana syarikat lain tidak boleh:

- Membuat dagangan atau melaksanakan transaksi mengenai saham syarikat tersebut atau sekuriti lain,
- Mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain yang mungkin membeli atau menjual sekuriti berdasarkan maklumat tersebut, atau
- Menggunakan maklumat dalaman dalam apa cara pun, untuk kepentingan peribadi atau kepentingan peribadi orang lain.

Apabila anda mempunyai akses tetap terhadap maklumat penting bukan umum berkenaan Intel atau syarikat lain, anda perlu memberi lebih perhatian dalam merancang perdagangan sekuriti. Intel mempunyai garis panduan dan dasar untuk membantu anda merancang transaksi sejajar dengan keperluan undang-undang sekuriti.

Pengarah, pegawai dan pekerja kanan (Tahap gred Intel Corporation 10 dan ke atas atau gred yang setaraf di anak syarikat Intel) tidak boleh melabur dalam (membeli atau menerima atau menjual) terbitan sekuriti Intel, seperti "puts" (meletak), "calls" (memanggil) dan kontrak hadapan, atau melibatkan diri dalam mana-mana jualan jangka pendek (short sales) atau kedudukan jangka pendek (short positions) (kedudukan yang membenarkan individu tersebut mendapat keuntungan jika harga sekuriti Intel jatuh) berkaitan dengan sekuriti Intel, dengan pengecualian terhad yang dinyatakan dalam garis panduan terbitan sekuriti Intel.

Harta Intelektual

Hak harta intelektual adalah penting untuk melindungi pelaburan yang syarikat dan individu lakukan dalam membangunkan produk dan idea baru. Kita melindungi harta intelektual kita dan menghormati hak harta intelektual orang lain.

Kita tidak boleh menyalin, mengeluarkan semula atau menghantar bahan yang dilindungi seperti penulisan, hasil seni, muzik, video, gambar, klip filem dan perisian kecuali kita mempunyai kebenaran atau lesen.

Kita hanya boleh menggunakan maklumat sulit Intel atau orang lain untuk tujuan perniagaan dan mendedahkannya hanya kepada mereka yang dibenarkan dan perlu tahu sahaja. Malah selepas kita berhenti kerja/meninggalkan Intel, kita mesti terus melindungi maklumat sulit (sama ada milik Intel atau pihak lain) dan tidak menggunakan atau mendedahkannya tanpa kebenaran.

Selain itu, kita tidak harus meminta atau menggalakkan sesiapaupun untuk menggunakan atau mendedahkan maklumat yang dilindungi di bawah keistimewaan, atau maklumat sulit kecuali kita dibenarkan untuk melakukannya oleh pemilik maklumat tersebut.

Privasi

Kebanyakan negara mempunyai undang-undang privasi yang mentadbir cara pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi yang sewajarnya,

termasuk mana-mana maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu seperti alamat e-mel, alamat kediaman atau pejabat, maklumat kad yang digunakan untuk membuat pembayaran atau nombor kad pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Kita komited untuk melindungi jangkaan privasi yang munasabah oleh semua orang yang menjalankan perniagaan dengan kita, termasuk pelanggan, pengguna dan pekerja kita. Kita percaya tanggungjawab pengawasan maklumat peribadi membantu mengekalkan kepercayaan kepada Intel dalam produk dan perkhidmatan kita. Kita mengakui kepentingan yang diberikan oleh individu dalam keupayaan kita untuk mengawal pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi mereka. Kita telah mengamalkan Prinsip Privasi Intel, Peraturan Privasi Korporat Intel dan Falsafah Intel berkenaan Perlindungan Maklumat Peribadi untuk menunjukkan dan mentakrifkan komitmen kita terhadap privasi.

Sebagai pekerja Intel, setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk mematuhi peraturan privasi dan keselamatan kita.

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan, masalah atau isu, sila rujuk kepada bahagian legal atau ahli pasukan pematuhan privasi anda.

Komunikasi Awam

Sebagai sebuah syarikat awam, Intel mesti mematuhi pelbagai peraturan yang berkaitan dengan komunikasi awam kepada pelabur dan orang awam dan menggalakkan ketelusan dalam pasaran kewangan. Intel mempunyai keperluan khusus untuk laporan kewangan dan dokumen kewangan syarikat yang difailkan atau diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S. dan pada komunikasi awam yang lain.

Oleh itu, jika anda bertanggungjawab untuk menyediakan laporan yang sedemikian atau menyumbangkan maklumat untuk laporan yang sedemikian, anda perlu memastikan bahawa pendedahannya adalah tepat, boleh dipercayai dan lengkap.

Selain itu, hanya jurucakap yang dibenarkan yang boleh membuat pernyataan umum bagi pihak Intel kepada media atau para pelabur.

Jika anda dihubungi oleh pemberita, penulis blog, penganalisis atau orang awam yang meminta komen bagi pihak Intel mengenai topik yang tidak dibenarkan oleh Kumpulan Komunikasi Global dan Pengurus Besar kumpulan perniagaan untuk bercakap bagi pihak syarikat, jangan jawab. Kemukakan dengan segera pertanyaan ini kepada [Kumpulan Komunikasi Global](#) atau Legal.

Saling Menghormati Antara Satu Sama Lain

Salah satu daripada nilai teras Intel adalah untuk bekerja sebagai satu kumpulan dengan saling hormat menghormati dan percaya antara satu sama lain. Kita berusaha untuk menegakkan komunikasi terbuka dan jujur serta

melindungi pekerja daripada diskriminasi, gangguan, atau amalan yang tidak selamat.

Komunikasi Terbuka dan Jujur

Kita menghargai kebebasan menyuarakan pendapat, idea, persoalan dan isu. Kita menggalakkan pekerja untuk mengutarakan isu berkaitan kerja atau kebimbangan melalui proses yang telah kita sediakan sejurus berbangkitnya perkara atau kebimbangan tersebut.

Kita tidak akan bertolak-ansur terhadap apa-apa tindakan balas terhadap pekerja yang bertanyakan soalan atau membuat laporan dengan niat baik mengenai kemungkinan pelanggaran undang-undang, Kod (COC) atau garis panduan yang lain.

Peluang Pekerjaan yang Sama Rata dan Kepelbagaian

Kita menghargai kepelbagaian dalam tenaga kerja kita, serta pada pelanggan, pembekal dan pihak yang lain. Kita menyediakan peluang pekerjaan sama rata bagi semua pemohon dan pekerja. Kita tidak mendiskriminasi berdasarkan kaum, warna kulit, agama, kepercayaan, jantina, negara asal, keturunan, umur, ketidakupayaan fizikal atau mental, keadaan kesihatan, maklumat genetik, status veteran dan ketenteraan, status perkahwinan, kehamilan, gender, ekspresi jantina, identiti jantina, orientasi seksual, atau mana-mana ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang, peraturan atau ordinan tempatan. Kita juga menyediakan kemudahan yang berpatutan kepada pekerja dan pemohon kurang upaya, sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Kita mengikuti semua prinsip ini dalam semua bidang pekerjaan termasuk perekrutan, pengambilan bekerja, latihan, promosi, pampasan, faedah, pertukaran kerja, dan program sosial serta rekreasi.

Anti-Gangguan

Kita komited untuk menyediakan tempat kerja yang bebas daripada gangguan berdasarkan ciri peribadi seperti kaum, warna kulit, agama, kepercayaan, jantina, negara asal, keturunan, umur, ketidakupayaan fizikal atau mental, keadaan kesihatan, maklumat genetik, status veteran dan ketenteraan, status perkahwinan, kehamilan, gender, ekspresi jantina, identiti jantina, orientasi seksual, atau mana-mana ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang, peraturan atau ordinan tempatan. Kita tidak bersetuju dan tidak bertolak-ansur dengan gangguan terhadap pekerja oleh pengurus atau rakan sekerja. Kita mesti melayani rakan sekerja, pelanggan dan pembekal dengan penuh maruah dan rasa hormat.

Pemerdagangan Manusia, Buruh Kanak-Kanak dan Buruh Paksa

Kita percaya bahawa pemerdagangan manusia, amalan buruh paksa, buruh terikat dengan hutang, kuli kontrak dan buruh abdi tidak boleh diterima dan

kita komited untuk menghalang amalan-amalan ini dalam operasi dan rantai bekalan kita. Tatakelakuan dan dasar Intel melarang layanan kasar dan tidak berperikemanusiaan, termasuk hukuman dera atau ancaman hukuman dera. Selain itu, dasar kita melarang pengambilan bekerja sesiapa yang di bawah umur 16 tahun dalam mana-mana jawatan, dan pekerja di bawah umur 18 tahun hendaklah tidak menjalankan kerja yang berbahaya. Pembekal kita perlu mematuhi ketetapan ini.

Keselamatan

Intel komited menyediakan tempat kerja yang selamat untuk pekerja, pelanggan, vendor, kontraktor, dan pihak lain di tempat kerja Intel.

Kita mematuhi undang-undang, piawai dan garis panduan keselamatan yang berkaitan dengan perniagaan kita. Amalan keselamatan yang mantap adalah penting di semua tempat kerja kita.

Untuk melindungi pekerja, orang awam dan komuniti, kita tidak mengendalikn sebarang aktiviti tanpa pengawasan keselamatan yang betul dan tidak mengeluarkan apa-apa produk tanpa perlindungan yang betul.

Kita yakin semua kecederaan dan penyakit di tempat kerja boleh dicegah. Kami menyampaikan ketetapan dan protokol keselamatan kepada para pekerja dan pembekal dan juga menerangkan risiko kesihatan dan keselamatan yang mungkin serta akibat daripada ketidakpatuhan terhadap keperluan ini. Kita tidak boleh memulakan atau meneruskan apa-apa aktiviti kerja yang bertentangan dengan keperluan keselamatan.

Keganasan di Tempat Kerja

Dalam mengekalkan komitmen kita terhadap keselamatan, Intel tidak akan bertolak-ansur terhadap sebarang ancaman bagi mana-mana jenis, sama ada tersurat atau tersirat, tingkah laku ancaman, mengendap atau tindakan keganasan. Kami memandang serius semua laporan tingkah laku ancaman atau keganasan, meneliti masalah tersebut, dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Untuk maklumat tambahan, semak [Workplace Threats and Violence guideline](#) Intel.

Bertindak demi Kebaikan Intel demi mengelak daripada sebarang Konflik

Kita berusaha untuk mengelakkan sebarang aktiviti yang merupakan atau kelihatan seperti konflik kepentingan dengan Intel. Kita tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang bersaing dengan Intel atau mengganggu pelaksanaan tugas atau tanggungjawab kita yang sepatutnya kepada Intel. Kita tidak menggunakan maklumat sulit syarikat, aset syarikat (kecuali sebagaimana yang dibenarkan di bawah [Garis Panduan Komunikasi Elektronik](#)) Intel, atau peranan atau jawatan kita di Intel untuk manfaat peribadi. Kita akan mengelakkan situasi apabila kepentingan peribadi, perniagaan luar atau

kepentingan keluarga dapat menjejaskan kebolehan kita untuk membuat keputusan perniagaan yang baik untuk kepentingan Intel.

Menangani Konflik Kepentingan

Semua pekerja mestilah mendedahkan sebarang konflik secara bertulis kepada pengurus mereka atau yang kelihatan seperti konflik kepentingan dengan Intel; pengarah dan pegawai eksekutif boleh juga memilih untuk mendedahkan isu ini kepada Peguam, Ketua Pegawai Pematuhan atau Lembaga Pengarah. Pengurus atau mereka yang dibenarkan menerima pendedahan konflik akan menentukan, dengan merujuk kepada pihak Legal, ELB Legal, Audit Dalaman, atau Lembaga Pengarah, mengikut keperluan, sekiranya konflik atau persepsi konflik, wujud, dan jika wujud, cara untuk menyelesaikannya. Pekerja bertanggungjawab untuk merekodkan penyelesaian ini secara bertulis. Selain keperluan ini, apabila menjalankan aktiviti perniagaan di luar, pekerja mestilah juga mengikuti [Garis Panduan Menjalankan Aktiviti Perniagaan di Luar](#). Pendedahan adalah wajib; gagal mendedahkan konflik kepentingan atau apa-apa yang boleh dianggap sebagai konflik kepentingan adalah satu pelanggaran Tatakelakuan.

Contoh Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan biasanya berlaku dalam situasi yang berikut:

- Aktiviti perniagaan di luar yang melibatkan bekerja untuk pembekal, penjual atau perniagaan yang sama ada bersaing dengan Intel atau menjalankan perniagaan dengan Intel semasa masih bekerja dengan Intel
- Mengendalikan sebarang perniagaan bukan berkenaan syarikat yang mengganggu prestasi peranan kita yang sewajarnya, seperti mengendalikan perniagaan bukan berkenaan syarikat semasa waktu kerja; menggunakan maklumat sulit atau proses yang diperoleh sebagai pekerja syarikat; atau menggunakan harta benda atau peralatan syarikat untuk kegunaan bukan berkenaan syarikat (melebihi kegunaan peribadi yang wajar)
- Menggunakan maklumat sulit atau proses yang diperoleh sebagai pekerja syarikat untuk manfaat peribadi atau kemudahan Intel
- Para pekerja tidak dibenarkan menjalankan perkhidmatan perundingan peribadi kepada dana lindung nilai atau Profesional Pelaburan lain. Sebarang pengecualian hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Kewangan.
- Menawarkan atau menerima hadiah, makanan, hiburan, atau membiayai tanggungan perjalanan, atau manfaat lain yang boleh dianggap sebagai rasuah
- Bertukar-tukar hadiah atau perkhidmatan peribadi yang mahal atau mewah antara para pekerja dan pengurus yang boleh dianggap

sebagai pilih kasih atau cubaan untuk menggunakan pengaruh secara tidak wajar

- Menerima sebarang manfaat peribadi atau boleh ditafsirkan sebagai diberikan kepada kita kerana peranan atau tahap jawatan kita atau kerana pihak penderma percaya kita mungkin berada dalam kedudukan yang boleh membantu mereka pada masa hadapan
- Menyertai atau mempengaruhi keputusan syarikat yang boleh membawa kepada keuntungan peribadi, keuntungan untuk ahli keluarga terdekat atau keuntungan untuk seseorang yang mempunyai hubungan rapat dengan kita
- Menggunakan peluang perniagaan yang ditemui atau diketahui melalui penggunaan harta, maklumat syarikat atau jawatan kita yang boleh membawa kepada keuntungan peribadi, keuntungan untuk ahli keluarga terdekat, atau keuntungan untuk seseorang yang mempunyai hubungan rapat dengan kita
- Berkhidmat dalam lembaga pengarah atau penasihat kepada pesaing atau sebuah syarikat yang mempunyai atau ingin menjalinkan perniagaan dengan Intel, termasuk tajaan, atau memiliki kepentingan ketara dalam organisasi tersebut, yang mana keupayaan kita untuk membuat keputusan demi kepentingan terbaik Intel boleh dikompromi
- Menyertai atau mempengaruhi keputusan syarikat untuk menggaji ahli keluarga, atau menyelia ahli keluarga terdekat atau seseorang yang mempunyai hubungan rapat dengan kita

Hadiah, Hidangan, Hiburan, dan Perjalanan

Pertukaran atau pemberian hadiah, hidangan, hiburan dan perjalanan ("GMET") boleh menimbulkan konflik kepentingan yang benar-benar berlaku, atau dianggap sebagai berlaku, atau situasi apabila perbelanjaan itu dianggap sebagai sogokan di bawah undang-undang terpakai dan piawai antarabangsa. Intel mengharapkan agar pekerjaannya dan pihak ketiga mematuhi prinsip-prinsip berikut semasa memberi atau menerima GMET:

- Kita mematuhi undang-undang antirasuah.
- GMET mestilah untuk tujuan yang sah, seperti mempromosi, menunjukkan cara atau menerangkan produk, kedudukan atau perkhidmatan syarikat.
- GMET tersebut mestilah tidak menyebabkan penerima berasa terikat dengan mana-mana kewajipan. Kita tidak menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa yang bernilai dengan niat untuk mempengaruhi secara tidak wajar sebarang tindakan atau keputusan penerima bagi pihak Intel atau syarikat anda, atau dengan niat untuk menjejaskan sifat objektif penerima dalam membuat keputusan perniagaan.

- GMET mestilah dibuat secara terbuka dan secara telus, wajar dan sesuai terhadap perhubungan perniagaan dan adat tempatan, dan tidak memalukan jika ia terdedah.
- Semua GMET maklumat mesti direkod dengan betul bagi pihak Intel.
- Kita memberikan GMET kepada Pegawai Kerajaan (termasuk pekerja agensi kerajaan, institusi awam dan syarikat milik negeri) hanya dalam keadaan tertentu dan hanya dengan kelulusan yang berpatutan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Dasar Hadiah, Hidangan, Hiburan, dan Perjalanan Antarabangsa* Intel ("Dasar GMET"). Untuk soalan dan panduan tambahan, dapatkan nasihat daripada pihak Legal.

Lindungi Aset dan Maklumat Sulit Syarikat

Perbelanjaan sumber yang agak besar untuk membangunkan dan mengekalkan aset yang digunakan untuk perniagaan syarikat. Kita semua bertanggungjawab untuk mematuhi semua prosedur yang melindungi nilai aset Intel, termasuk aset fizikal, maklumat, jenama Intel, dan nama baik dan reputasinya, dan untuk melindungi maklumat sulit yang telah diamanahkan oleh pelanggan Intel dan orang lain.

Melindungi Aset Fizikal

Aset fizikal kita merangkumi kemudahan, peralatan serta sistem komputer dan komunikasi. Kita mesti menggunakan aset ini terutamanya untuk perniagaan Intel. Sebagai pengecualian, kita boleh menggunakan sistem komputer dan komunikasi untuk kegunaan peribadi yang berpatutan.

Kita perlu mematuhi prosedur keselamatan dan penggunaan yang berkaitan demi melindungi aset fizikal syarikat daripada kecurian, kehilangan, kerosakan, atau penyalahgunaan, termasuklah akses yang tidak dibenarkan. Laporkan kecurian, kehilangan, kerosakan atau penyalahgunaan aset fizikal syarikat kepada Keselamatan Korporat secepat mungkin.

Walaupun kita menghormati privasi pekerja, kita tidak sepatutnya mengandaikan meja, stesen kerja kita atau penggunaan komputer atau peralatan telefon adalah peribadi atau sulit. Tertakluk kepada undang-undang tempatan dan di bawah bimbingan Legal, Intel boleh mencari dan menyemak kedua-dua komunikasi yang masuk dan keluar serta semua maklumat peranti, termasuk mana-mana komunikasi pekerja yang dilindungi kata laluan.

Melindungi Maklumat Sulit

Maklumat sulit adalah berharga kepada Intel. Ia memberi Intel kelebihan saing, membantu mengekalkan kepercayaan para pelanggan kita, serta mengekalkan reputasi kukuh yang menjadi tapak tempat Intel berkembang. Maklumat sulit termasuk maklumat tentang produk yang belum dikeluarkan, peta jalan produk, tarikh pengeluaran dan banyak lagi. Ini juga merangkumi

maklumat sulit yang dihantar secara lisan atau melalui tweet, siaran, blog dan bentuk media sosial yang lain.

Kita semua mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan tidak membocorkan maklumat sulit Intel atau maklumat sulit pelanggan dan rakan niaga kita, dan kita mestilah tidak mendedahkan atau menggunakan maklumat ini tanpa kebenaran yang jelas. Aset fizikal dan dokumen mestilah dikendalikan dalam cara yang mematuhi dasar keselamatan maklumat. Pendedahan maklumat sulit Intel atau pihak ketiga yang tidak wajar adalah kesalahan yang boleh mengakibatkan pemecatan, tertakluk pada undang-undang tempatan.

Jika anda mendapat tahu tentang pendedahan atau kehilangan maklumat sulit, hubungi [Keselamatan Maklumat](#) atau Legal. Untuk soalan atau panduan tentang perkongsian pada media sosial, hubungi social.media@intel.com.

Melindungi Tanda Dagangan dan Jenama

Antara aset paling bernilai syarikat kita adalah tanda dagangan dan jenamanya. Untuk melindungi nilai dan pengiktirafan tanda dagangan kita, kita telah mewujudkan garis panduan yang menentukan cara dan waktu ia boleh digunakan.

Kita mesti mematuhi garis panduan ini apabila kita menggunakan tanda dagangan dan jenama syarikat, sama ada dalam komunikasi dalaman dan luaran mahu pun dalam bahan yang disediakan oleh pihak ketiga, seperti agen pemasaran, pengedar saluran dan Pengilang Kelengkapan Asal.

Mewakili Intel

Nilai reputasi dan nama baik kita mesti dipelihara setiap kali mewakili syarikat kita. Kadang-kadang, Intel mungkin akan meminta pekerja untuk menjadi wakil entiti lain (contohnya, sebagai pegawai, pengarah, penasihat, ejen atau peranan yang serupa). Dalam keadaan sebegini, seorang pekerja harus berbincang situasi tersebut dengan pengurus langsung. Anda mungkin perlu mengikuti peraturan khas untuk mematuhi Tatakelakuan.

Selain itu, contoh lain termasuk apabila bercakap mengenai topik perniagaan atau teknologi dalam sidang awam atau menyiarkan pandangan di Internet - termasuk melalui aplikasi dan laman media sosial - anda mesti menjelaskan bahawa anda sedang memberi pandangan anda sendiri dan bukannya pandangan syarikat kita, melainkan apabila anda memberi pandangan sebagai jurucakap syarikat yang dibenarkan.

Anda mesti mematuhi peraturan kelakuan yang khas jika anda menyertai atau mempunyai kedudukan kepimpinan dengan persatuan perdagangan industri, untuk mengelakkan pelanggaran antitrust.

Kelulusan dan Pengecualian

Tatakelakuan menjelaskan peraturan bagi kelakuan syarikat kita. Apabila situasi tertentu memerlukan kebenaran daripada pihak pengurusan atau orang lain sebelum mengambil tindakan, anda perlu mengutarakan isu tersebut dengan segera untuk memberi masa yang mencukupi untuk menganalisa semula dan memberi kelulusan.

Dalam keadaan tertentu kita mungkin mendapati wajar untuk mengecualikan peruntukan peraturan. Untuk mendapatkan pengecualian, sila rujuk kepada pengurus, beliau yang akan mempertimbangkan permintaan setelah berunding dengan pihak lain seperti Audit Dalaman, Legal atau Sumber Manusia. Pengecualian Tatakelakuan memerlukan kebenaran daripada Ketua Pegawai Kewangan, Peguam, atau Timbalan Presiden Kanan, Pengarah Sumber Manusia.

Pengarah dan pegawai eksekutif yang ingin mendapatkan pengecualian harus mengemukakannya kepada Lembaga Pengarah atau jawatankuasa Lembaga yang ditetapkan. Kita mengemukakan pengecualian tersebut untuk pengarah dan pegawai eksekutif setakat dan mengikut cara yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan atau piawai penyenaian bursa saham.

Peringatan

Tatakelakuan ini bertindak sebagai panduan kita untuk mengendalikan perniagaan dengan integriti. Tatakelakuan ini bukanlah satu kontrak pekerjaan dan ianya tidak memberi apa-apa hak berkaitan dengan pekerjaan.

Tatakelakuan ini bukanlah satu senarai lengkap garis panduan syarikat. Anda harus mengetahui dan mematuhi semua garis panduan syarikat yang berkaitan dengan tugas anda. Pelanggaran garis panduan yang lain ini mungkin juga menyebabkan tindakan disiplin dikenakan, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan .

Intel boleh meminda Tatakelakuan dari masa ke semasa jika dijangka perlu atau sesuai.

Istilah dan Takrifan Glosari Tatakelakuan

Topik	Istilah	Takrifan
Menjalankan Perniagaan dengan jujur dan Integriti		
Menyediakan Rekod Kewangan/Lain-lain Rekod yang Tepat	Juruaudit	Termasuk kedua-dua juruaudit luar dan dalaman.
Menyediakan Rekod Kewangan/Lain-lain Rekod yang Tepat	Piawai Perakaunan	Peraturan Prinsip Perakaunan Diterima Umum (GAAP), Piawai Perakaunan Antarabangsa (IAS), Suruhanjaya Sekuriti & Bursa (SEC)
Patuhi Undang-undang secara Tersurat dan Tersirat		
Sogokan dan Anti Rasuah	Pegawai kerajaan	Pegawai Kerajaan: Mana-mana pegawai, pekerja atau individu yang bertindak dalam keupayaan rasmi bagi sebarang jabatan, agensi atau bantuan kerajaan, termasuklah syarikat milik negeri atau dikawal oleh negeri, dan organisasi awam antarabangsa dan juga parti politik, pegawai politik, atau calon bagi jawatan politik. Beberapa contoh termasuklah: Profesor atau penyelidik daripada universiti awam atau institut penyelidikan dan rekaan; doktor daripada hospital awam dan pekerja syarikat telekomunikasi milik negeri. Untuk contoh tambahan, sila rujuk <i>Dasar Hadiah, Hidangan, Hiburan, dan Perjalanan Antarabangsa Intel</i> ("Dasar GMET").
Sogokan dan Anti Rasuah	Sogokan	Sogokan, di bawah dasar Intel, bermaksud menjanjikan, menawarkan atau memberikan apa-apa yang bernilai dengan niat rasuah untuk mempengaruhi secara tidak wajar tindakan atau keputusan penerima atau mendapatkan kelebihan tidak wajar demi mendapatkan atau mengekalkan perniagaan.
Sogokan dan Anti Rasuah	Bayaran pemudahan	Bayaran kecil yang dibuat untuk mendapatkan perkhidmatan daripada pihak kerajaan untuk perkara-perkara rutin yang biasa dan yang tidak melibatkan budi bicara pihak kerajaan, sebagai contoh memproses dokumen kerajaan, atau pembekalan perkhidmatan telefon atau perkhidmatan air. Membayar pegawai kerajaan untuk melakukan kerja rutin sedemikian dianggap sebagai rasuah di bawah undang-undang di kebanyakan negara. <i>Yuran Penyegeraan:</i> Bayaran yuran kerajaan pada kadar yang dipaparkan atau diterbitkan secara rasmi oleh agensi atau entiti kerajaan berkenaan untuk tujuan menyegerakan perkhidmatan adalah bayaran yang dibenarkan. Bayaran sedemikian dibuat kepada agensi kerajaan dan resit perkhidmatan yang disegerakan mesti diperoleh sebagai bukti bayaran.

TATAKELAKUAN INTEL

Topik	Istilah	Takrifan
Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan	Pendekatan berhati-hati	Satu pendekatan di mana risiko kesihatan atau alam sekitar daripada penggunaan bahan dan berusaha untuk mencari alternatif yang lebih bersih dan selamat dipertimbangkan dengan teliti.
Pematuhan Import dan Eksport	Import	Sesuatu import ialah apa-apa item yang masuk ke dalam negara atau merentasi sempadan. Import mungkin tertakluk kepada cukai kastam, sekatan kuota, larangan atau keperluan pelesenan, bergantung pada negara asal dan pada item.
Pematuhan Import dan Eksport	Eksport	Pemindahan sesuatu item yang fizikal atau teknologi, pendedahan teknologi secara lisan atau visual atau tindakan memberi perkhidmatan yang tertakluk kepada peraturan eksport.
Harta Intelektual	Hak Istimewa (hak istimewa peguam-pelanggan)	Hak istimewa peguam-pelanggan adalah satu konsep undang-undang yang melindungi komunikasi antara pelanggan dan peguamnya yang komunikasi tersebut melibatkan mendapatkan atau memberi nasihat undang-undang. <i>Sila ambil perhatian: hak istimewa ini berbeza-beza bagi setiap bidang kuasa. Jika anda mempunyai pertanyaan sama ada sesuatu komunikasi dilindungi di bawah hak istimewa ini atau tidak, anda perlu merujuk kepada Bahagian Legal.</i>
Harta Intelektual	Hak harta intelektual	Hak harta intelektual merangkumi paten/aplikasi paten, tanda dagangan, hak cipta, rahsia perdagangan, pengetahuan dan hak kerja terselindung.
Privasi	Privasi	<p>Privasi ditakrifkan sebagai hak seseorang untuk merahsiakan aspek kehidupan peribadinya. Ini termasuk tanggungjawab organisasi untuk menghormati hak privasi individu dan untuk menguruskan maklumat peribadi dengan wajar, termasuk pengumpulan, penggunaan, penyimpanan, atau pendedahan maklumat peribadi individu tersebut.</p> <p>Nota: Hak privasi seseorang bukan terhad kepada maklumat peribadi sahaja, tetapi merangkumi juga perkara lain, seperti privasi kelakuan (hak seseorang individu untuk memilih apa yang mereka hendak lakukan secara senyap dan hak untuk tidak berkongsi kelakuan tersebut dengan pihak lain) dan privasi komunikasi (hak untuk berkomunikasi tanpa pengawasan, pemantauan atau penapisan yang tidak wajar).</p>

TATAKELAKUAN INTEL

Topik	Istilah	Takrifan
Privasi	Maklumat peribadi	<p>Apa-apa maklumat yang berkaitan dengan seseorang individu yang boleh dikenal pasti.</p> <p>Nota: Maklumat Peribadi juga dikenali sebagai Data Peribadi atau Maklumat Pengenalan Peribadi.</p> <p>Contoh maklumat peribadi termasuklah: Alamat, Maklumat Biometrik, Alamat e-mel, Nombor Faks, Maklumat Kewangan (seperti Maklumat Akaun Bank atau Kad Bayaran), Nombor Pengenalan Kerajaan, maklumat Kesihatan/Perubatan, Nama, Profil Peribadi, Gambar, Nombor Keselamatan Sosial, Nombor Telefon, dll.</p>
Komunikasi Awam	Jurucakap yang dibenarkan	<p>Jurucakap yang dibenarkan dikenal pasti, dipilih dan diluluskan oleh Pengurus Besar Kumpulan Perniagaan masing-masing, Ketua Geo, dan Global Communications Group (GCG) berdasarkan pada objektif dan keperluan komunikasi. Kurang daripada 1 peratus warga kerja Intel yang dibenarkan untuk bercakap dengan media bagi pihak syarikat.</p>
Saling Menghormati Antara Satu Sama Lain		
Anti-Gangguan	Gangguan	<p>Intel menganggap kelakuan berikut sebagai gangguan dalam Tatakelakuan kita: kelakuan lisan, fizikal dan visual yang mencipta persekitaran yang menakutkan, menjelikkan atau persekitaran seteru di tempat kerja yang mengganggu prestasi kerja, walaupun tidak menyalahi undang-undang. Gangguan boleh berdasarkan kaum, warna kulit, agama, jantina, negara asal, keturunan, umur, ketidakupayaan, taraf kesihatan, maklumat genetik, status veteran dan ketenteraan, status perkahwinan, kehamilan, jantina, ekspresi jantina, identiti jantina, orientasi seks, atau mana-mana ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang, peraturan atau ordinaran persekutuan, negeri atau tempatan.</p>
Pemerdagangan Manusia, Buruh Kanak-Kanak dan Buruh Paksa	Terikat dengan hutang	<p>Buruh terikat hutang berpunca daripada janji khidmat peribadi atau ahli keluarga oleh penghutang sebagai jaminan terhadap suatu hutang. Pada zahirnya, orang ini biasanya memahami bahawa janji perburuhan ini merupakan jaminan terhadap hutang dan pemberian khidmat ini semakin lama akan menghapuskan hutang tersebut; walau bagaimanapun, hutang itu tidak berpenghujung dan jumlah yang perlu dibayar terus terakru sehingga hutang dan pengaturan kerja itu akan menjadi lingkaran berterusan.</p>

TATAKELAKUAN INTEL

Topik	Istilah	Takrifan
Pemerdagangan Manusia, Buruh Kanak-Kanak dan Buruh Paksa	Pemerdagangan manusia	Pemerdagangan manusia ditakrifkan sebagai (1) tindakan merekrut, menyorok, memindah, membekal, atau mendapatkan seseorang untuk perkhidmatan buruh atau untuk melakukan perkhidmatan seks komersial (2) dengan cara paksaan, penipuan, atau kekerasan (3) bagi tujuan eksploitasi, pengabdian bukan sukarela, penyelenggaraan, penghambaan hutang, penghambaan, atau mana-mana kelakuan seks komersial melibatkan kanak-kanak bawah umur.
Pemerdagangan Manusia, Buruh Kanak-Kanak dan Buruh Paksa	Hukuman dera	Hukuman dera merujuk kepada hukuman secara fizikal. Contohnya, merotan dan menyebat adalah contoh hukuman dera.
Elak Konflik Kepentingan		
Contoh Konflik Kepentingan	Kepentingan yang ketara	Kepentingan terhadap sesuatu di luar tugas pekerja di Intel adalah menimbulkan kesan yang ketara apabila ini mempengaruhi kemampuan seseorang pekerja untuk membuat keputusan yang adil dan saksama demi kepentingan Intel.
Contoh Konflik Kepentingan	Profesional pelaburan	Pelabur, broker/wakil niaga, dan penganalisis jual dan beli. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk <i>Garis Panduan bagi Komunikasi dengan Para Profesional Pelaburan</i> .
Lindungi Aset dan Maklumat Sulit Syarikat		
Memelihara Keselamatan Maklumat	Maklumat sulit	Maklumat sulit termasuk, tanpa pengecualian: maklumat teknikal (seperti peta jalan, skematik, kod sumber, spesifikasi), maklumat perniagaan (seperti maklumat produk, strategi pemasaran, pasaran, jualan, pelanggan, senarai pelanggan atau buku telefon), maklumat kakitangan (seperti carta organisasi, senarai pekerja, kemahiran, maklumat kesihatan pekerja, nama, nombor telefon, alamat e-mel, fail pekerja, pampasan pekerja kecuali apabila pendedahan maklumat pekerja sedemikian dibenarkan di bawah undang-undang buruh setempat seperti hak pekerja untuk membincangkan pampasan dan keadaan kerja di bawah Akta Hubungan Buruh Kebangsaan A.S.), serta data dan maklumat bukan awam Intel daripada jenis yang sama.

TATAKELAKUAN INTEL

Topik	Istilah	Takrifan
Melindungi Tanda Dagangan dan Jenama	Tanda dagangan	Tanda dagangan adalah apa sahaja yang mengenal pasti sumber barangan atau perkhidmatan seseorang dan membezakannya daripada barangan atau perkhidmatan orang lain, termasuk perkataan, nama, reka bentuk, warna, frasa, bunyi, malah bau . Ia merupakan perkataan (Tide*), nama (Howard Johnson*), simbol (McDonald's Golden Arches*), peralatan (Pillsbury Doughboy*), frasa (The Ultimate Driving Machine*) atau bunyi (Intel Bong/Sonic) yang digunakan dengan barangan dalam perdagangan untuk menunjukkan sumber barangan tersebut dan membezakannya daripada barangan dagangan lain. Tanda dagangan adalah aset berharga yang bernilai berjuta-juta dolar dan menandakan piawai kecemerlangan dan kualiti yang konsisten yang dikaitkan dengan produk dan perkhidmatan Intel. Ini memberikan pelanggan keyakinan terhadap kualiti apabila membuat keputusan pembelian di masa hadapan. Oleh itu, tanda dagangan pada asasnya berkait dengan "niat baik," dan reputasi, yang dibangunkan oleh pemilik tanda tersebut.
Melindungi Tanda Dagangan dan Jenama	Jenama	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jenama adalah koleksi imej dan idea yang mewakili seseorang pengeluar ekonomi; lebih tepat lagi, ia merujuk kepada simbol nyata seperti nama, logo, slogan dan skema reka bentuk. 2. Selalu digunakan secara saling boleh tukar dengan "tanda dagangan". 3. Sesuatu jenama adalah tanda yang dikenal pasti oleh perkataan, frasa, pembungkusan atau label yang tertentu. Ia mewakili nama, tanda dagangan, produk, reka bentuk dan simbol syarikat.
Melindungi Tanda Dagangan dan Jenama	Pengedar saluran	Menjual semula produk syarikat kepada akaun yang kecil atau pengguna akhir
Mewakili Intel	Pelanggaran antitrust	Terdapat peruntukkan undang-undang antitrust di Amerika Syarikat dan seluruh dunia yang mesti dipatuhi dengan ketat untuk mengelakkan Intel dan anda daripada dituduh dan didapati bersalah kerana melanggar undang-undang ini.